

## Pas bergantung kepada ahli, penyokong



Sebahagian panel yang hadir dalam Program Sembang Politik di Taman Sri Putra.

**BANTING** - Perjumpaan ahli-ahli Pas dalam Program Sembang Politik yang dianjurkan baru-baru ini dilihat sebagai salah satu usaha persediaan PAS Kawasan Kuala Langat menghadapi PRU14.

Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, kesediaan itu penting berikutan Pas bergerak sendiri dan tidak lagi bersama Pakatan Harapan.

"Semua ahli bersedia dalam apa juga keadaan kerana PRU akan diadakan pada bila-bila masa. Politik semasa telah berubah apabila Pas tidak bersama Pakatan Harapan dan bergantung kepada kekuatan sokongan ahli dan penyokong Pas saja.

"Selaku Exco kerajaan negeri, telah banyak peruntukan yang diberikan kepada penduduk Kuala Langat dan juga rakyat Selangor," katanya ketika berucap dalam Program Sembang Politik di Dewan Orang Ramai Taman Sri Putra, di sini.

Program anjuran Pas Dun Morib dengan

kerjasama Lajnah Penerangan Dewan Ulama PAS Negeri Selangor itu dipengerusikan Ketua Dewan Ulama PAS Kawasan Kuala Langat, Ridhuan Rahmat.

Hadir sama, Timbalan Ketua Penerangan Pas Pusat, Roslan Shahir dan Pengerusi Lajnah Undang-undang Dewan Ulama Pas Selangor, Zubir Embong.

Sementara itu, Pengerusi Lajnah Kesihatan Pas Pusat merangkap Bendahari PAS Kawasan Kuala Langat, Datuk Dr Yahya Baba berkata, Pas Kuala Langat perlu bersatu menghadapi PRU tidak kira persediaan kesihatan mahu pun fizikal.

"Bila-bila masa jika Parlimen dibubarkan. Pas tetap akan bertanding di mana-mana kawasan pernah Pas duduki bagi mengekalkan kerusi yang ada.

"Kita melihat PRU kali ini adalah lebih mencabar jika dibandingkan dengan PRU yang lepas dan saya menyeru kepada ahli Pas supaya bersatu padu," katanya.

## Jelajah Jom Ke Sekolah Jabatan CSR MBI Selangor

**KUALA LANGAT**- Seramai 1300 orang murid sekitar Kuala Langat menerima sumbangan pakaian sekolah dan alat tulis bagi memenuhi kelengkapan penggal baharu persekolahan untuk sesi 2018.

Majlis dihadiri lebih 3,000 orang itu diadakan di Dewan Aim Point Sungai Emas, Bandar Sg Emas dikendalikan oleh Angkatan Muda Keadilan Kuala Langat.

Pengurus Kanan Tanggungjawab Sosial (CSR) Menteri Besar Incorporated (MBI) Muhammad Gaddafi Musli berkata program itu adalah Jelajah Jom Ke Sekolah yang

diadakan di seluruh Selangor sebagai tanggungjawab sosial kepada rakyat negeri ini.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, inilah bukti Kerajaan Negeri Selangor yang sentiasa prihatin setiap denyut nadi rakyat.

"Hasil pendapatan negeri sangat banyak ia diterjemahkan melalui pendemokrasian peduli rakyat yang sebegini sekali lagi membuktikan keprihatinan kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besar, Dato Seri Mohammed Azmin Ali," katanya.


### REAKSI



**Saya sangat gembira sumbangan ini dan tak sabar hendak pakai baju baru ke sekolah nanti,"** - Penerima, Muhammad Hafiy Mohd Azli, 8



**Baju ni cantik sangat, terima kasih Kerajaan Negeri Selangor dan saya berjanji akan belajar sungguh-sungguh dan menjadi orang yang berguna."** - Penerima, Nurzainina Zakiah



**Terima Kasih Kerajaan Negeri Selangor, saya dapat baju sekolah baru dengan jenama yang baik dan sangat bagus. Saya dah lama mahukannya,"** - Penerima, T Khoglashini,



# Optimis rampas empat kerusi

Tiga Dun, satu parlimen boleh jadi milik BN semula jika terus beri penerangan kepada rakyat

**SIJANGKANG** - Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli memberi jaminan kerusi di tiga Dun dan satu parlimen mampu dirampas semula BN pada PRU14 ini.

Menurutnya, keempat kerusi itu boleh menjadi milik BN sekiranya ahli terus bergerak memberi penerangan kepada rakyat.

"Kita optimis di Dun Sijangkang dan Morib malah percaya kita mampu rampas semula kedua-dua Dun ini. Manakala Dun Telok Datuk bonus bagi BN jika rakyat terus memberi sokongan

"Soal sokongan kita biar rakyat menjadi hakim, apa yang penting gerak kerja kita berterusan, jangan sesekali sekerat jalan," kata-



Sebahagian penerima bantuan Program Back To School Jawatankuasa Persatuan Penduduk (JPP) Zon 2 di Kampung Medan, semalam.

nya selepas Merasmikan Sambutan Tahun Baru dan Program Back To School Jawatankuasa Persatuan

Penduduk (JPP) Zon 2 di Kampung Medan semalam. Sulaiman berkata, beliau

mengakui impian itu tidak mustahil berlaku kerana sudah diberikan mandat namun banyak lagi kerja yang

perlu dilakukan menjelang PRU. "Program membantu rakyat tidak pernah terhenti

sejak 2008 lagi, cumanya sebagai pemimpin mereka perlu menangkis fitnah yang berlaku dalam masyarakat," katanya.

Sementara itu, Pengerusi JPP Zon 2 Datuk Nordin Selamat berkata, seramai 138 murid menerima sumbangan kelengkapan sekolah termasuk beg sekolah, stokin dan bekas pensil bagi meringankan beban keluarga dalam membuat persiapan saat-saat akhir.

"Masih terdapat ibu bapa yang sedang membuat persiapan kelengkapan sekolah anak-anak di saat saat akhir. Kita cari penerima dalam kalangan lapang penerusi taman di bawah JPP Zon 2 melalui peruntukan dari KPKT," katanya.